KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

# Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas

# KSSR

## (MASALAH PENDENGARAN)

# MODUL PENGAJARAN MATEMATIK



TAHUN PENGUKUHAN

KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

# KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH
# PENDIDIKAN KHAS
## (MASALAH PENDENGARAN)

# MODUL PENGAJARAN
# MATEMATIK

## TAHUN PENGUKUHAN

Terbitan

Kementerian Pelajaran Malaysia
Bahagian Pembangunan Kurikulum

2010

Cetakan Pertama 2010
© Kementerian Pelajaran Malaysia

Hak Cipta Terpelihara.  Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Parcel E, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.

# PENGAJARAN MATEMATIK : MODUL 1

| Topik | Nombor Bulat |
|---|---|
| **Standard Kandungan** | 1.0 Mengira objek dalam set diberi dan menulis nombor yang berkaitan. |
| **Standard Pembelajaran** | 1.1 Mengira sehingga 50, menggunakan turutan pengiraan yang betul. |
| **Tempoh masa** | 1 jam (1minggu) |
| **Sumber** | Lembaran kerja, kad imbasan, papan putih, ‘blue tack’ |
| **Objektif** | Pada akhir pembelajaran, murid dapat :<br>i) Mengenal nombor hingga 10<br>ii) Menyebut (berisyarat) nama nombor hingga 10. |
| **Kosa kata** | - Mengira, nombor – nombor<br>- Mengira nombor satu, dua, tiga, empat, lima, enam, tujuh, lapan, sembilan, sepuluh |
| **Aktiviti** | 1. Memperkenalkan nombor menggunakan kad nombor<br>2. Guru menyebut (berisyarat) tentang nombor – nombor yang ditunjukkan dan murid mengulanginya.<br>3. Guru menunjukkan nombor dan murid menyebut (berisyarat) nombor tersebut.<br>4. Guru meminta murid memilih kad nombor berdasarkan nombor yang guru sebut (isyarat).<br>5. Guru meminta murid menampal kad nombor yang betul di papan putih (secara rawak). |

| | |
|---|---|
| | 6. Lembaran kerja 1.1A<br>- Guru mengisyaratkan nombor dan murid mewarnakan nombor tersebut.<br>7. Guru menunjukkan kad nombor dan murid mengisyaratkan nombor tersebut.<br>8. Guru mengedarkan lembaran kerja. Murid menyesuaikan nombor dengan kod tangan.<br><br>**Penilaian**<br>1. Murid mewarna nombor pada lembaran kerja. |

## PENGAJARAN MATEMATIK : MODUL 2

| **Topik:** | **Nombor Bulat** |
|---|---|
| **Standard Kandungan** | 1.0 Mengira objek dalam set diberi dan menulis nombor berkaitan. |
| **Standard Pembelajaran** | 1.2 Membaca(berisyarat) dan menulis nombor sehingga 50 dalam bentuk nombor dan perkataan. |
| **Masa** | 1 jam (1 minggu) |
| **Sumber** | Lembaran kerja, potongan kad nombor |
| **Objektif** | Pada akhir pembelajaran, murid dapat:<br>i) Membaca (berisyarat) dan menulis nombor sehingga 10.<br>ii) Mengenal nilai nombor 1 hingga 10. |
| **Kosa kata** | - Menyambung titik-titik<br>- Kiraan satu, dua, tiga, empat, lima, enam, tujuh, lapan, sembilan dan sepeluh |
| **Aktiviti** | 1. Guru menunjukkan kad nombor 1 hingga 10.<br>2. Meminta murid menulis nombor 1 ‘di udara’ dengan menggunakan jari.<br>3. Mengulangi aktiviti nombor 2 di atas bagi nombor 2 hingga 10.<br>4. Meminta murid mengenal nombor dari potongan kad nombor. |

| | |
|---|---|
| | 5. Meminta murid menulis nombor 1 – 10 pada kertas kosong.<br>6. Meminta murid menulis nombor 1 – 10 pada papan putih.<br>7. Meminta murid menyambung garisan putus-putus. ( lembaran kerja 2.1D )<br>8. Guru mengakhiri pengajaran dengan meminta murid mengira 1 hingga 10.<br><br>**Penilaian**<br>Murid menulis nombor dengan menyambung titik-titik dalam lembaran kerja.<br><br>**Lain-lain aktiviti**<br>1. Mengira dan menulis nombor dan mewarna gambar. ( lembaran kerja 2.1E )<br>2. Mewarna bulatan pada cendawan seperti arahan yang diberi.( lembaran kerja 2.1F ) |

# PENGAJARAN MATEMATIK : MODUL 3

| **Topik:** | **Nombor Bulat** |
|---|---|
| **Standard Kandungan** | 1.0 Mengira objek dalam set diberi dan menulis nombor yang berkaitan. |
| **Standard Pembelajaran** | 1.2 Membaca (isyarat) dan menulis nombor sehingga 50 dalam bentuk nombor dan perkataan. |
| **Masa** | 1 jam (1minggu) |
| **Sumber** | Lembaran kerja, potongan kad nombor |
| **Objektif** | Pada akhir pembelajaran, murid dapat:<br>i) Membaca (isyarat) perkataan nombor 1 to 5<br>ii) Menulis perkataan nombor 1 to 5. |
| **Kosa kata** | Menulis, mengeja, satu, dua, tiga, empat, lima |
| **Aktiviti** | 1. Murid melihat set gambar yang ditunjukkan oleh guru.<br>2. Murid menamakan gambar.<br>3.Murid mengira jumlah objek dalam kumpulan dan individu.<br>4.Murid mengisyarat nombor secara individu dan menulisnya pada papan putih.<br>5. Murid mengeja perkataan nombor mengikut guru.<br>6. Murid membaca perkataan nombor pada kad imbasan secara individu atau kumpulan.<br>7.Murid diminta menyesuaikan kad nombor dengan |

| | |
|---|---|
| | perkataan nombor.<br>8. Murid mengira nombor 1 – 10 sambil melompat dan bertepuk tangan.<br><br>**Penilaian :**<br>i. Meminta murid menulis perkataan nombor dengan menyambung titik – titik.<br>ii. Menyesuaikan nombor dan perkataan nombor. |

# PENGAJARAN MATEMATIK : MODUL 4

| **Topik:** | **Nombor Bulat** |
|---|---|
| **Standard Kandungan** | 1.0 Mengira objek dalam set diberi dan menulis nombor yang berkaitan. |
| **Standard Pembelajaran** | 1.2 Membaca (berisyarat) dan menulis nombor sehingga 50 dalam bentuk nombor dan perkataan. |
| **Masa** | 1 jam (1minggu) |
| **Sumber** | Lembaran kerja, potongan  kad nombor |
| **Objektif** | Pada akhir pembelajaran, murid dapat:<br>i)  Membaca (isyarat) perkataan nombor 6 hingga 10.<br>ii) Menulis perkataan nombor 6 to 10. |
| **Kosa kata** | Menulis, mengeja, enam, tujuh , lapan, sembilan, sepuluh |
| **Aktiviti** | 1. Murid melihat set gambar yang ditunjukkan oleh guru.<br>2. Murid menamakan gambar. .<br>3. Murid mengira bilangan objek secara kumpulan dan individu.<br>4. Murid mengisyaratkan nombor secara individu dan menulisnya di papan putih.<br>5. Murid mengeja perkataan nombor mengikut guru.<br>6. Murid membaca perkataan nombor pada kad imbasan secara individu atau berkumpulan.<br>7. Murid menyesuaikan perkataan nombor dengan nombor. |

| | |
|---|---|
| | 8. Murid mengira nombor 1 – 10 dan melompat sambil bertepuk tangan.<br><br>**Penilaian :**<br>i. Meminta murid menulis perkataan nombor dengan menyambung titik -titik.<br>ii. Menyesuaikan perkataan nombor dengan nombor. |

## PEMBELAJARAN MATEMATIK : MODUL 5

| **Topik:** | **Nombor Bulat** |
|---|---|
| **Standard Kandungan** | 2.0 Memahami dan menggunakan Perkataan untuk membeza nombor mengikut turutan. |
| **Standard Pembelajaran** | 2.1 Menyebut (isyarat) nombor bulat mengikut turutan menaik dari 0 sehingga 50, turutan menurun dari 50 ke 0. |
| **Masa** | 1 jam (1 minggu) |
| **Bahan** | Lembaran kerja, rangkaian nombor, bola ping-pong yang mengandungi nombor 0 hingga 10, kotak |
| **Objektif** | Di akhir pelajaran, murid-murid akan dapat :<br>i. Menyebut (isyarat) dan menggunakan nama nombor mengikut turutan menaik sehingga 10.<br>ii. Membilang nombor hingga 10. |
| **Kosa Kata** | Membilang nombor, susunan, turutan nombor, menyusun, pertama, akhir. |
| **Aktiviti** | 1. Murid-murid melihat turutan nombor dan membilang sehingga 10.<br>2. Guru menunjukkan isyarat tangan dan diikuti oleh murid-murid.<br>3. Murid melangkah di atas rangkaian nombor di atas lantai dan menyebut (isyarat) nombor berkenaan. |

| | |
|---|---|
| | 4. Apabila murid melompat di atas rangkaian nombor, murid membilang (isyarat) nombor berkenaan satu per satu mengikut turutan.<br>5. Semua murid membilang bersama-sama.<br>6. Dua orang murid mengambil bola ping-pong dari sebuah kotak. Murid-murid kemudian menyatakan nombor yang mana nombor awal dan yang mana nombor kemudian.<br>7. Aktiviti diulangi oleh beberapa orang murid yang lain.<br>8. Guru menyebut (isyarat) satu nombor dan murid-murid menyambung kiraan satu per satu sehingga 10.<br><br>**Penilaian :**<br>i. Mengisi nombor di dalam lembaran kerja 2.1A.<br>ii. Menyusun nombor 0 – 10<br>(lembaran kerja 2.1B, 2.1C, 2.1D)<br><br>**Cadangan Aktiviti:**<br>i. Setiap murid diberikan kad-kad nombor. Guru mengarahkan murid untuk menyusun nombor. |

# PEMBELAJARAN MATEMATIK : MODUL 6

| Topik: | Nombor Bulat |
|---|---|
| **Standard Kandungan** | 2.0 Memahami dan menggunakan perkataan membanding dan turutan nombor. |
| **Standard Pembelajaran** | 2.1 Menyebut (isyarat) nombor dalam lingkungan 50 mengikut urutan dari 50 ke sifar. |
| **Masa** | 1 jam ( 1 minggu) |
| **Bahan** | Dadu dengan nombor, kad nombor, lembaran kerja. |
| **Objektif** | Di akhir pelajaran, murid-murid akan dapat :<br>a. Membilang nombor mengikut urutan secara menurun dari 10 – 0. |
| **Kosa Kata** | Membilang secara menurun, susunan, menyusun, betul, |
| **Aktiviti** | 1. Murid-murid membilang nombor dari 0 hingga 10 dengan menggunakan kad nombor.<br>2. Murid-murid membilang nombor yang dipilih secara rawak.<br>4. Seorang murid membilang nombor secara menurun dan diikuti oleh murid-murid lain.<br>5.Murid-murid mengira nombor mengikut susunan menurun nombor yang dipilih secara rawak.<br>6. Murid-murid membuat latihan secara berulang beberapa kali. |

| | |
|---|---|
| | 7.Guru menunjukkan dua dadu bernombor dan murid menyatakan nombor yang mana awal dan nombor yang mana kemudian.<br>8. Murid-murid menyusun semula dadu mengikut turutan menurun.<br>9.Murid-murid menyusun semula dadu yang telah diselerakkan oleh guruPupils secara turutan menurun.<br>10. Murid-murid mengira mengikut turutan menurun dari 10 – 0 kemudian melengkapkan lembaran kerja 2.1 (A).<br><br>**Penilaian:**<br>i. Murid-murid menyusun nombor 10 hingga 0 (Lembaran kerja 2.1, 2.1 (D).<br>ii. Melengkapkan nombor yang tertinggal mengikut turutan menurun ( Lembaran kerja 2.1B ).<br><br>**Cadangan Aktiviti:**<br>i. Murid-murid melengkapkan turutan nombor dari nombor yang diberi.<br>(Lembaran Kerja 2.1 (E), 2.1 (F) |

# PEMBELAJARAN MATEMATIK : MODUL 7

| Topik: | Nombor Bulat |
|---|---|
| **Standard Kandungan** | 1.0 Membilang set objek yang diberi dan menulis nombor yang berkenaan. |
| **Standard Pembelajaran** | 1.1 Membilang sehingga 50 menggunakan turutan yang betul. |
| **Masa** | 1 jam ( 1 minggu ) |
| **Bahan** | Lembaran Kerja, kad imbasan, nombor, kad isyarat tangan, papan putih, “blue tack” |
| **Objektif** | Di akhir pelajaran, murid-murid akan dapat :<br>i. Mengenal nombor dari 11 hingga 20.<br>ii. Menyebut (isyarat) nombor dari 11 hingga 20. |
| **Kosa Kata** | Padankan, memilih |
| **Aktiviti** | 1. Memperkenalkan nombor dengan menggunakan kad nombor.<br>2. Guru menunjukkan isyarat nombor dan murid-murid mengulang isyarat selepas guru.<br>3. Murid-murid menyebut (isyarat) nombor yang ditunjukkan oleh guru, kemudian memilih kad isyarat tangan dan menampalkannya di sebelah kad nombor.<br>4. Guru menunjukkan isyarat tangan dan murid memilih |

| | |
|---|---|
| | kad nombor yang berkenaan.<br>5. Guru meminta seorang murid melekatkan kad nombor yang berkenaan dengan kad isyarat tangan yang ditunjukkan secara rawak di atas papan putih dan aktiviti ini diulangi oleh murid lain.<br>6. Setiap murid diberikan satu kad nombor atau kad isyarat tangan. Apabila guru memberi arahan, murid-murid mencari pasangannya yang memegang kad nombor atau kad isyarat tangan. |

# PEMBELAJARAN MATEMATIK : MODUL 8

| Topik: | Nombor Bulat |
|---|---|
| Standard Kandungan | 1.0 Membilang objek yang diberi dalam bentuk set dan menulis nombornya. |
| Standard Pembelajaran | 1.1 Membaca (isyarat) dan menulis nombor sehingga 50, nombor dalam bentuk nombor dan perkataan. |
| Masa | 1 jam ( 1 minggu ) |
| Bahan | Lembaran kerja, nombor yang digunting |
| Objektif | Di akhir pelajaran, murid-murid akan dapat :<br>i. Menyebut (isyarat) dan menulis nombor dari 11 hingga 20.<br>ii. Mengenali nilai nombor hingga 20. |
| Kosa Kata | Sambung, lukis,tampal dan lengkap. |
| Aktiviti | 1. Guru menunujukkan kad nombor satu demi satu dari 11 hingga 20.<br>2. Murid-murid menulis nombor yang diberi dengan jari kemudian mengguntingkannya dari kad yang diberi.<br>3. Murid-murid menulis nombor dari 11 hingga 20 di atas papan tulis.<br>6. Murid –murid menulis nombor dari 11 – 20 dalam buku aktiviti. |

| | |
|---|---|
| | **Penilaian.**<br>1. Menulis nombor dengan menyambung titik dalam lembaran kerja.<br><br>**Cadangan aktiviti.**<br>1. Murid–murid melukis, menampal, mengecop bentuk daun diatas dahan pokok berdasarkan nombor yang diberi.<br>2. Murid–murid diberikan gambar tikus yang dinomborkan dan padankan pada gambar keju yang menunjukkan nombor berkenaan. |

## PEMBELAJARAN MATEMATIK : MODUL 9

| Topik : | Nombor Bulat |
|---|---|
| **Standard Kandungan** | 1.0 Membilang objek yang diberikan dalam set dan menulis nombornya. |
| **Standard Pembelajaran** | 1.2 Menyebut (isyarat) dan menulis nombor sehingga 20 dalam bentuk nombor dan perkataan |
| **Masa** | 1 jam ( 1 minggu ) |
| **Bahan** | Lembaran kerja, kad nombor, kad perkataan, gambar. |
| **Objektif** | Di akhir pembelajaran, murid akan dapat:<br>i. Membaca (mengisyarat) perkataan nombor dari 11 hingga 20.<br>ii. Menulis perkataan nombor dari 11 hingga 20. |
| **Kosa kata** | Sebelas, dua belas, tiga belas,….. dua puluh |
| **Aktiviti** | 1. Guru menunjukkan gambar untuk menarik perhatian murid.<br>2. Guru bersoal jawab dengan murid tentang gambar.<br>3. Murid membilang objek di dalam gambar secara individu atau dalam kumpulan.<br>4. Murid mengisyarat nombor secara individu atau kumpulan dan menulis perkataannya di atas papan tulis.<br>5. Guru mengeja perkataan nombor dan murid |

| | |
|---|---|
| | mengikut guru.<br>6. Murid membaca perkataan nombor berdasarkan kad imbasan yang diberi secara individu atau kumpulan.<br>7. Guru mengeja perkataan nombor dan murid mengulang selepasnya.<br>8. Murid membaca (isyarat) perkataan nombor pada kad imbasan secara individu atau kumpulan.<br>9. Satu set kad perkataan dan satu set kad nombor diletakkan di atas meja, murid diminta mengambil satu kad nombor dan memadankan dengan kad perkataannya.<br>10. Murid membilang nombor 11 hingga 20.<br>11. Murid menmbilang nombor 11 hingga 20 dan melompat sambil menepuk tangan.<br><br>**Penilaian**<br>i. Guru mengedarkan lembaran kerja. Murid mengira objek di dalam gambar dan menulis nombornya. Kemudian memadankan dengan perkataan yang diberi. |

# PEMBELAJARAN MATEMATIK : MODUL 10

| Topik | Nombor Bulat |
|---|---|
| **Standard Kandungan** | 2.0 Memahami dan menggunakan perkataan membandingkan dan menyusun nombor atau bilangan. |
| **Standard Pembelajaran** | 2.1 Menyebut (isyarat) nombor sehingga 50 mengikut turutan dari 0 dan menurun ke 0. |
| **Masa** | 1 jam ( 1 minggu ) |
| **Bahan** | Lembaran kerja, rangkaian nombor. |
| **Objektif** | Pada akhir pembelajaran, murid akan dapat :<br>i. Membilang nombor secara menurun dari 20 ke 11. |
| **Kosa kata** | Mengira secara menaik dan menurun, rangkaian nombor |
| **Aktiviti** | 1. Memperkenalkan rangkaian nombor dan mengira secara menaik dari 11 hingga 20.<br>2. Murid menyebut (isyarat) selepas guru.<br>3. Murid memijak di atas rangkaian nombor yang terletak di atas lantai dan menyebut (isyarat) nombor 11 hingga 20 ambil mereka melangkah ke hadapan.<br>4. Murid membilang dan menyebut (isyarat) nombor berkenaan apabila melompat dari satu nombor ke satu nombor di atas rangkaian nombor.<br>5. Semua murid membilang (isyarat) bersama-sama. |

| | |
|---|---|
| | 6. Murid membilang kerusi atau meja di dalam bilik darjah yang telah dilabel dengan nombor dari 11 hingga 20.<br><br>**Penilaian**<br>1. Lembaran kerja : mengisi nombor yang hilang / tercicir.<br>2. Menyusun nombor 11 hingga 20. |

# PEMBELAJARAN MATEMATIK : MODUL 11

| Topik | Nombor Bulat |
|---|---|
| **Standard Kandungan** | 2.0 Memahami dan menggunakan perkataan membandingkan dan menyusun nombor atau bilangan. |
| **Standard Pembelajaran** | 2.1 Menyebut (isyarat) nombor dalam lingkungan 50 secara menaik dan menurun . |
| **Masa** | 1 jam ( 1 minggu) |
| **Bahan** | Kad imbasan,lembaran kerja,buah dadu ( nombor) |
| **Objektif** | Pada akhir pembelajaran, murid akan dapat:<br>i. Menyebut dan membilang nombor secara menurun satu demi satu dari 20 hingga 11 |
| **Kosa kata** | Membilang secara menurun, turutan |
| **Aktiviti** | 1. Murid menyebut (isyarat) nombor 11 hingga 20 menggunakan kad nombor.<br>2. Murid membilang mengikut turutan menaik dari nombor yang dipilih secara rawak. ( Contoh, mari kita membilang dari 11: 11, 12, 13)<br>3. murid membilang secara menurun dari 20 hingga 11 menggunakan kad nombor.<br>4. Seorang murid dipilih untuk mengira secara menurun dan diikuti oleh murid lain. |

| | |
|---|---|
| | 5 Murid-murid mengira secara menurun dari nombor yang dipilihnya secara rawak.<br>6. Mengulang latihan yang sama beberapa kali.<br>7.Murid menyebut(isyarat) nombor di atas dadu dan menyusunnya secara menaik dan menurun<br><br>**Penilaian:**<br>i. Menyusun nombor secara menurun dari 20 hingga 11<br>ii. Melengkapkan tempat kosong<br><table><tr><td>19</td><td></td><td>17</td></tr></table> |

# PEMBELAJARAN MATEMATIK: MODUL 12

| **Topik** | **Nombor Bulat** |
|---|---|
| **Standard Kandungan** | 2.0 Memahami dan menggunakan perkataan membandingkan dan menyusun nombor atau bilangan. |
| **Standard Pembelajaran** | 2.3 Menyusun nombor-nombor yang diberi dalam lingkungan 20 mengikut turutan. |
| **Masa** | 1 jam (1 minggu) |
| **Bahan** | Lembaran kerja, kad imbasan, papan putih, 'blue tack'. |
| **Objektif** | Pada akhir pembelajaran, murid-murid akan dapat :<br>i. Menyusun nombor-nombor yang diberi dalam lingkungan 20 mengikut turutan. |
| **Aktiviti** | 1. Murid melihat kad imbasan nombor dalam lingkungan 10 hingga 20.<br>2. Murid melihat kad imbasan nombor dalam perkataan dalam lingkungan 10 hingga 20.<br>3. Murid menyusun nombor dalam lingkungan 10 hingga 20 mengikut turutan. |

KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
BAHAGIAN PEMBANGUNAN KURIKULUM
ARAS 4-8, BLOK E9
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917
http://www.moe.gov.my/bpk